



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

---

## **NRECC JALANKAN SIASATAN GEOLOGI SUSULAN KEJADIAN ALIRAN PUIING DAN LIMPAHAN AIR BERLUMPUR DI BENTONG, PAHANG**

---

Satu kejadian aliran puing yang menyebabkan limpahan air berlumpur telah dilaporkan berlaku di kawasan Kampung Baru Bukit Tinggi, Bentong, Pahang pada 12 Februari 2023 lepas.

Aliran puing tersebut telah menyebabkan kerosakan infrastruktur jalan dan pembetung (*culvert*) bagi Jalan Persekutuan FT0068 (Jalan Lama Gombak-Bentong) termasuk 15 premis perniagaan dan lima (5) buah rumah di Kampung Baru Bukit Tinggi.

Susulan kejadian itu, lawatan kerja telah dijalankan pada 14 Februari 2023 oleh Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia (NRECC), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii dengan disertai oleh Ahli Parlimen Bentong, YB Young Syefura binti Othman, ADUN Bilut, YB Lee Chin Chen, ADUN Ketari, YB Thomas Su Keong Siong serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Lawatan kerja ini dilaksanakan bagi meninjau keadaan semasa di lokasi kejadian dan mendapatkan pandangan teknikal awal daripada JMG tentang punca kejadian.

Maklumat stesen hujan di Janda Baik (ID Stesen: CBTG0022), menunjukkan kejadian hujan sederhana lebat hingga lebat (22.5-33.5 mm per jam) telah berlaku pada 12 Februari bermula kira-kira pada pukul 5.00 petang dan berterusan sehingga pukul 7.00 malam.

Tinjauan awal mendapati aliran puing yang terjadi terdiri daripada campuran air, tanah dan bongkah batuan yang terhasil berikutan hakisan di bahagian hulu sungai.

Bongkah batuan ini didapati telah menghalang laluan air masuk ke *inlet* pembetung di bahagian tepi jalan FT0068 dan menyebabkan aliran air asal terlencong ke bahagian tepi serta melimpah ke atas jalan.

Seterusnya, aliran puing menghakis tebing sungai dan mengakibatkan kerosakan jalan serta berlakunya limpahan air dan lumpur di sepanjang aliran di bahagian hilir iaitu Kampung Baru Bukit Tinggi.

NRECC melalui JMG akan melaksanakan siasatan geologi bagi mengenalpasti punca kejadian aliran puing di kawasan tadahan ini.

Bagi mengurangkan risiko kerosakan harta benda dan infrastruktur awam yang berulang, NRECC menyarankan agar agensi–agensi kerajaan, pihak berkepentingan dan pihak berkuasa tempatan mengambil langkah pembaikan dan mitigasi sewajarnya dengan segera.

Langkah ini dapat memastikan keselamatan penduduk setempat sentiasa terjamin dan pembangunan dijalankan secara lestari, selaras dengan konsep Malaysia Madani.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(NRECC)**

**16 FEBRUARI 2023**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia